



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 31 JULAI 2025 (KHAMIS)**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar **dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam **Kod Bidang 110106** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

| BIL.                                                                                                                                                              | BUTIR-BUTIR TAWARAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | JADUAL<br>T/P&P | TARIKH/MASA/TEMPAT<br>TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | SYARAT PENYERTAAN<br>TENDER                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | KAEDAH<br>PEROLEHAN |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 1.                                                                                                                                                                | <p>[FTA (CPTPP)] Tender Membekal, Menguji Dan Mentauliah Kenderaan Ambulans <i>Type B</i> 925 Unit Bersama Kelengkapan Peralatan Perubatan Bagi Zon Utara, Selatan, Tengah, Pantai Timur, Sabah/Labuan Dan Sarawak Untuk Kegunaan Hospital Dan Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Kontrak Selama Dua (2) Tahun</p> <p><b>No. Tender : QT25000000025264</b></p> | 140/2025        | <p>Tarikh : 07 Ogos 2025 (Khamis)</p> <p>Masa : 9.30 pagi</p> <p>Tempat : Auditorium Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya, Jalan P11, Presint 11, 62300 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya</p> <p>Dokumen diperlukan untuk tujuan semakan:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Sijil Asal / Salinan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);</li><li>2. Kad Pengenalan; dan</li><li>3. Cop Syarikat.</li></ol> <p>Nota: Sila bawa sijil asal, salinan sijil serta cop syarikat.</p> | <p>1. Petender <b>DIWAJIBKAN</b> untuk menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>2. Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:</p> <p>(i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</p> <p>(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/ nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak sehingga 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>(iii) Harga yang ditawarkan pembida adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference -MOP</i>); dan</p> <p>(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)</p> | Secara ePerolehan   |
| <p><b>* PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u></b></p> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                     |

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **31 Julai 2025 (Khamis)** dengan melayari [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my).

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **19 September 2025 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia**